



## PENGEMUKAAN BORANG NYATA TAHUN 2020 TARIKH AKHIR BORANG B

# e-Filing

MUDAH | TEPAT | SELAMAT

<https://mytax.hasil.gov.my>

# 31 Ogos 2021

**Borang  
Manual  
&  
e-Filing**

**Menjalankan Perniagaan**

### 1. URUSAN PERCUKAIAN DALAM TEMPOH PKP 3.0

Soalan Lazim Berkaitan Urusan Percukaian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 telah dimuat naik ke Portal Rasmi LHDNM. Pautan adalah seperti berikut:

[http://phi.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq\\_pkp3\\_1.pdf](http://phi.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_pkp3_1.pdf).

Pemakluman terkini berhubung dengan LHDNM boleh diperoleh daripada Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

### 2. PENAMATAN SISTEM FRANGKI DIGITAL (DFS 2.0)

Penggunaan Sistem Frangki Digital (DFS 2.0) akan ditamatkan pada 30 Jun 2021 di semua Pejabat Setem Cawangan / Pejabat Satelit / Pusat Khidmat Hasil / Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Mulai 1 Julai 2021, LHDNM akan menggunakan portal *Stamp Assessment And Payment System* (STAMPS) bagi semua urusan penyetaan.

Sistem STAMPS boleh diakses melalui Perkhidmatan ezHasil di MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/>.

### 3. BAYARAN CUKAI INDIVIDU

LHDNM menyediakan pelbagai saluran pembayaran cukai bagi memudahkan pembayar cukai individu melaksanakan tanggungjawab mereka, antaranya :

- a) Sistem ByrHasil LHDNM (FPX dan Kad Kredit) : <https://byrhasil.hasil.gov.my/>
- b) Bayaran Melalui Ejen Kutipan LHDNM
  - i) Bank yang dilantik
    - Kaunter
    - Portal perbankan internet bank
    - Mesin ATM
    - Tele-Perbankan
  - ii) Kaunter Pos Malaysia
- c) Pindahan Wang Dari Luar Negara
  - i) *Telegraphic Transfer (TT) / Interbank Transfer Giro (IBG) / Electronic Fund Transfer (EFT)*
  - ii) Draf Bank

Maklumat lanjut berhubung pembayaran cukai individu boleh diperoleh daripada Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Individu > Pembayaran.

### 4. PERBELANJAAN PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

Perbelanjaan yang boleh dituntut dan dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan ialah :

- a) Perbelanjaan yang dibuat **dalam menghasilkan pendapatan perniagaan** seperti bayaran gaji pekerja, sewa premis perniagaan dan pinjaman perniagaan; dan
- b) Elaun modal atas pembelian aset yang digunakan dalam perniagaan.

Maklumat lanjut berhubung perbelanjaan perniagaan boleh diperoleh daripada Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Individu > Pendapatan Perniagaan.

### 5. PERBEZAAN PERCUKAIAN BAGI PERNIAGAAN INDIVIDU DAN SYARIKAT

Terdapat perbezaan bagi percukaian perniagaan individu (contohnya pemilikan tunggal, bekerja sendiri, perkongsian dan lain-lain.) dan syarikat yang dimiliki oleh individu. Antaranya ialah:

PERKARA	PERNIAGAAN INDIVIDU	SYARIKAT
JENIS FAIL CUKAI	IG (sebelum ini OG)	C
JENIS BORANG CUKAI	Borang B	Borang C
TARIKH AKHIR HANTAR BORANG	31 Julai 2021	7 bulan dari tarikh akhir tutup perakaunan bagi tempoh asas tahun taksiran berkenaan
KADAR CUKAI	Mengikut kadar cukai individu bagi suatu tahun taksiran	Bagi Tahun Taksiran 2020 : i) Syarikat dengan modal berbayar <b>tidak melebihi</b> RM2.5 juta : - RM600,000 yang pertama – 17% - Baki seterusnya – 24% ii) Syarikat dengan modal berbayar <b>melebihi</b> RM2.5 juta : 24%

Untuk maklumat lanjut berhubung percukaian individu dan syarikat, sila layari Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)